

PM gesa agihkan maklumat koko

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa Pertubuhan Koko Antarabangsa mengurus dan mengagihkan segala maklumat mengenai barangan itu dengan lebih meluas dan berkesan bagi mengatasi masalah pendapatan tidak seimbang di antara negara pengeluar dan pengilang.

Perdana Menteri berkata, usaha yang sejajar dengan semangat kerjasama Utara-Selatan itu hendaklah meliputi maklumat mengenai perdagangan, pengeluaran, penggunaan, stok dan teknologi.

Menurut beliau, sebahagian daripada punca kegagalan pasaran yang menyebabkan ketidakimbangan pendapatan antara negara pengeluar dan pengilang ialah kekurangan maklumat yang tepat.

Berucap merasmikan Pesta Koko Antarabangsa di sini hari ini, Dr. Mahathir juga membentangkan fakta-fakta berbeza pendapatan di antara negara pengeluar dan pengilang.

Katanya, nilai pasaran koko dari lima negara pengeluar utama koko dunia yang dinamakan *Cote d'Ivoire* iaitu Brazil, Ghana, Malaysia dan Indonesia dalam tahun 1989/90 ialah sekitar AS\$2 bilion manakala nilai komersil bagi pengeluar bahan coklat yang diketuai oleh lima negara pengilang utama ialah AS\$36 bilion.

"Persoalannya ialah apakah yang boleh atau harus dilakukan bagi memastikan pengedaran secara adil faedah daripada titik peluh penanam koko," katanya.

Perdana Menteri mendesak supaya semua halangan tarif dan bukan tarif yang membebankan dihapuskan bagi membolehkan perdagangan antarabangsa berjalan bebas di atas semangat Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT).

Menurut Dr. Mahathir, keadaan tidak adil wujud di antara negara pengeluar di Selatan dan negara pengguna di Utara kerana biji dan serbuk koko terpaksa dijual kepada beberapa syarikat pengilang gergasi di Utara.

"Sudah tentulah Utara boleh manipulasikan

harga yang menguntungkan mereka. Tidak salah untuk mentafsirkan ini sebagai satu lagi contoh orang kaya hidup atas kesengsaraan orang miskin," katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir menasihatkan syarikat-syarikat Britain supaya memandang ke hadapan dan meneruskan perniagaan di Malaysia berikutan penarikan balik pengharaman tawaran kontrak kerajaan kepada firma-firma Britain.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Asmat Kamaludin, Perdana Menteri memberitahu delegasi Lembaga Perdagangan Britain yang mengunjungi beliau hari ini bahawa syarikat-syarikat Britain yang berkebolehan sentiasa mempunyai peluang di Malaysia.

Delegasi 30 anggota itu diketuai oleh Setiausaha Perdagangan dan Industri Britain, Michael Heseltine, yang juga Yang Dipertua lembaga itu, adalah delegasi pertama Britain berkunjung ke Malaysia sejak pengharaman itu ditarik balik pada 8 September.